



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

CABUTAN UNDI MEMBERI MANFAAT KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA G1 HINGGA G4 BAGI KERJA PENYELENGGARAAN BERKALA PAVAMEN DAN BUKAN PAVAMEN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN 2025

KUCHING, SARAWAK – Yang Berhormat Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia hari ini mewakili Kementerian Kerja Raya (KKR) membuat cabutan undi bagi memilih kontraktor Bumiputera G1-G4 yang layak untuk melaksanakan 25 kerja penyenggaraan jalan berkala pavamen dan 21 kerja berkala bukan pavamen bernilai RM50 juta bagi Jalan Persekutuan di Negeri Sarawak.

2. Kerja-kerja penyenggaraan di negeri ini adalah melalui . Konsesi Penyenggaraan DAL HCM Sdn. Bhd. yang telah dilantik sebagai syarikat konsesi yang bertanggungjawab untuk menyenggara Jalan Persekutuan di Sarawak. Cabutan Undi ini adalah sebahagian usaha Kerajaan MADANI melalui 6 teras utamanya dalam membangun dan melibatkan lebih banyak kontraktor bumiputera G1-G4 dalam kerja-kerja penyenggaraan jalan raya agar jalan raya di Malaysia terutamanya jalan persekutuan sentiasa berkualiti, mampan, selamat dan selesa.

3. Skop kerja penyenggaraan berkala pavamen adalah seperti *mill & pave*, *Cold In-Place Recycling (CIPR)*, *overlay*, dan *re-construction*. Manakala kerja penyenggaraan berkala bukan pavamen meliputi kerja mengecat semula garisan jalan, menyenggara dan membaikpulih papan tanda, membina roadkerb, dan menaiktaraf longkang dan lain-lain kerja berkaitan.

4. Pelantikan kontraktor secara cabutan undi ini adalah adil dan telus, dikhususkan kepada Kontraktor Bumiputera Gred G1 – G4 yang layak dari segi rekod prestasi kerja serta mempunyai pendaftaran lesen yang masih sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB), dan berdaftar mengikut had nilai kerja yang disenaraikan.

5. Tender untuk kerja-kerja ini dibuat secara pendigitalan di mana telah diiklankan melalui media sosial dan pendaftaran telah dilakukan secara atas talian (online) di portal syarikat Konsesi Penyenggaraan DAL HCM Sdn. Bhd. Cabutan undi ini akan dikelolakan oleh Jawatankuasa Cabutan Undi (JCU) yang terdiri daripada pegawai syarikat Konsesi dan juga wakil kerajaan.

6. Pecahan bilangan arahan kerja mengikut gred kontraktor yang terlibat adalah 6 Arahan Kerja untuk Kontraktor G1, 14 untuk G2, 2 untuk G3 dan 24 untuk Kontraktor G4.

8. Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak dan Daerah bersama Konsesi Penyenggaraan DAL HCM Sdn. Bhd. akan memantau secara rapi dan menilai semua pelaksanaan kerja penyenggaraan dan prestasi kontraktor terutama kualiti dan jadual kerja menepati spesifikasi kontrak. Penilaian tersebut akan dijadikan asas sama ada kontraktor berkenaan layak untuk dipertimbangkan lagi dalam proses pemberian kontrak kerja penyenggaraan jalan raya di masa hadapan.

9. KKR berharap agar semua kontraktor yang terpilih melalui cabutan undi hari ini akan memberikan komitmen yang padu terhadap aspek mutu kualiti terutama dari segi mengikuti spesifikasi standard yang ditetapkan, kos dan masa, serta mengutamakan keselamatan di kawasan kerja. KKR tidak akan berkompromi terhadap isu-isu berkaitan kualiti kerja pembinaan dan penyenggaraan dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya sentiasa diutamakan selaras dengan aspirasi Program MYJalan KKR.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
23 JUN 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja